

15 AUG 1997

Lapangan Terbang

PULAU PINANG GEMBIRA JADI SEBAHAGIAN CADANGAN NRIA

PULAU PINANG, Aug 15 (Bernama) -- Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari berkata kerajaan negeri gembira kerana cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara (NRIA) akan turut melibatkan negeri itu.

Katanya, menurut kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Pulau Pinang terlibat kerana penambakan kawasan pantai di Kedah untuk projek itu turut diperluaskan ke negeri itu.

"Oleh itu, lapangan terbang itu akan menjadi lapangan terbang Pulau Pinang dan juga lapangan terbang Kedah," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Dr Mahathir mengenai kemungkinan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas akan ditutup apabila NRIA memulakan operasinya.

Dr Koh berkata lapangan terbang baru itu merupakan lapangan terbang bersama bagi Pulau Pinang dan Kedah dan juga bagi wilayah utara, Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu.

Katanya beliau telah pun bertemu Dr Mahathir dua hari selepas pulang dari percutian dua bualannya dan Perdana Menteri bersetuju dengan cadangannya agar sebahagian dari NRIA ditempatkan di negeri Pulau Pinang.

Ianya juga akan dihubungkan dengan Georgetown di Pulau Pinang terus menerus melalui lebuh raya baru dengan jambatan atau terowong bawah laut, katanya.

Dr Koh berkata menerusi lebuh raya baru itu yang dirancang siap sebelum NRIA beroperasi, jarak atau masa memandu dari NRIA ke Georgetown hanya 26 km atau 20 minit dan kira-kira 50 km atau 40 minit ke kawasan Industri Bayan Lepas.

Menurut Koh, NRIA yang akan menjadi lapangan terbang kedua terbesar di negara ini akan memberi kemudahan kepada lebih banyak penerbangan antarabangsa ke rantau ini, dapat menampung lebih ramai penumpang dan kapasiti kargo dan seterusnya akan membawa kemakmuran yang lebih lagi kepada Pulau Pinang.

Katanya cadangan pembangunan lapangan terbang baru itu merupakan penyelesaian jangka panjang kepada Pulau Pinang dan wilayah utara dalam konteks Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

"Pulau Pinang hanya akan terus bertumbuh di masa depan sekiranya keseluruhan wilayah utara membangun dan IMT-GT menjadi lebih makmur," katanya.

Dr Koh berkata pembinaan kompleks kargo udara baru Malaysia Airports Berhad dan penambahan penumpang di terminal di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas tetap berjalan sebagaimana dijadualkan, seperti juga Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang yang diperluaskan sekalipun semasa perancangan dan pembinaan KLIA di Sepang.

Katanya kerajaan Pulau Pinang akan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa pusat bagi memastikan negeri itu akan mendapat faedah dalam projek negara seperti itu dan juga projek pembangunan lain di masa depan.

Sementara, pengerusi Pesekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM), Cawangan Utara, O.K. Lee berkata adalah malang sekali kepada Pulau Pinang sekiranya lapangan terbang itu ditutup.

"Anggota-anggota kami akan kerugian. Sebagai sektor yang memberi perkhidmatan dan menyokong industri-industri di sini, khususnya di Zon Perdagangan Bebas Bayan, anggota-anggota FMM akan terasa kerugiannya kerana

meraka telah menikmati kemudahan di lapangan terbang itu lebih dari dua abad," katanya apabila dihubungi Bernama.

Katanya, sekarang industri-industri di kawasan utara lebih suka menggunakan laluan udara dari laluan darat dan air kerana ia lebih selesa dan ekonomikal.

Timbalan Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Rafique Karim juga berharap kerajaan menimbangkan semula cadangan itu.

Katanya Pulau Pinang masih memerlukan lapangan terbang itu untuk menampung keperluan industri-industri di sini dan juga bagi mengekalkan imejnya sebagai destinasi pelancongan popular.

Beliau berkata penutupan lapangan terbang itu "tidak lagi akan menjadi pulau ini menarik" kerana pelancong terpaksa menggunakan pengangkutan jenis lain untuk datang ke sini, yang sudah tentu memakan masa yang panjang dan

Pengerusi Persatuan Pelancongan Malaysia-Indonesia-Thailand (MITTAS), Datuk Syed Mohamad Aidid Syed Murtaza pula berkata rakyat Pulau Pinang seharusnya menganggap lapangan terbang baru di Kuala Muda itu sebagai satu perubahan untuk menyediakan diri menghadapi cabaran-cabaran dan peluang dalam alaf akan datang.

Katanya mereka perlu menghadapi kenyataan itu dengan wawasan dan perancangan strategik untuk merebut peluang-peluang dari pembinaan semula lapangan terbang antarabangsa itu.

Syed Aidid, yang juga pengerusi Penang Tourist Centre Sdn Bhd, berkata lapangan terbang baru di Kedah itu bukan sahaja akan menampung keperluan negeri-negeri di utara Semenanjung tetapi juga pembangunan Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

"Masanya telah tiba bagi kita dalam industri pelancongan untuk bekerjasama melalui IMT-GT untuk mempromosikan rantau kecil ini yang mempunyai potensi besar sebagai destinasi pelancongan bersama. Sekarang promosi dibuat secara berasingan," katanya.

Beliau berkata lapangan terbang baru itu tidak akan menggugat industri pelancongan negeri ini kerana ia akan mempromosikan negeri ini dengan lebih lagi sebagai destinasi pelancongan selain dari tempat-tempat lain seperti Langkawi dan Pangkor.

Sementara itu timbalan ketua Wanita Gerakan, Rhina Bhar berkata kerajaan perlu mengumumkan apakah perancangan untuk Lapangan Terbang Bayan Lepas dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengangani masalah kesesakan.

Beliau mendakwa jumlah RM100 juta yang diperuntukkan untuk peningkatan lapangan terbang di sini, sebagaimana yang diumumkan oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik baru-baru ini tidak cukup untuk projek perluasan itu. -- BERNAMA

RA SA WAT